

Eksklusif

BH
7/12/2015
m/s 8

Fokus antara urusan haji, pelaburan

» TH mahu nilai semula objektif penubuhan elak menyimpang matlamat asal

Oleh Mutazar Abd Ghani, Ahmad Fiesal Othman dan Mohd Zin Ali
bhbiz@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Tabung Haji (TH) akan menilai semula objektif penubuhannya 52 tahun lalu supaya tidak menyimpang daripada matlamat asal untuk membantu memudahkan masyarakat Islam di negara ini menunaikan ibadat haji.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Tan Sri Ismee Ismail, berkata antara inisiatif diambil bagi memenuhi objektif berkenaan ialah dengan membantu mencukupkan dana kira-kira 7.5 juta pendeposit yang mempunyai baki simpanan kurang daripada RM10,000.

Katanya, tahun lalu TH memberikan dividen tambahan dua peratus dalam pemberian dividen tahunan bagi pendeposit yang belum menunaikan rukun Islam kelima itu.

"Seperti tahun lalu, kami lakukannya ketika mengumumkan dividen tahunan TH, kami beri dividen tambahan dua peratus untuk mereka yang belum pergi haji.

"Jadi, beginilah cara memudahkan mereka (pendeposit) sebab teras kami yang pertama adalah pasal haji. Kita (TH) wujud pasal haji, kita tidak wujud untuk kumpulan deposit atau bina rumah.

"Kita wujud untuk bantu orang pergi haji, maka tidak boleh lari daripada tujuan itu. Apa juga kita lakukan, kita kena permudahkan

INFO

SIMPANAN, BILANGAN, KEUNTUNGAN DAN BONUS PENDEPOSIT 2005 - 2014

Tahun	Bilangan Pendeposit	Simpanan Pendeposit (RM)	Keuntungan Bersih (RM)	Bonus Pendeposit (%)
2005	5,097,713	13,319,270,000	575,600,000	4.50
2006	5,248,561	14,743,147,000	641,218,000	4.75
2007	4,432,986	17,082,964,000	1,071,277,000	5.0+2.0
2008	4,743,940	20,576,320,000	1,001,001,000	5.00
2009	5,040,820	23,590,436,000	1,119,796,000	5.00
2010	5,626,703	27,114,554,000	1,497,167,000	5.50
2011	6,955,641	31,694,409,000	1,688,624,000	6.00
2012	8,170,522	38,284,221,000	2,145,860,000	6.5+1.5
2013	8,303,909	45,719,459,000	2,633,793,000	6.0+2.0
2014	8,614,000	54,400,000,000	2,979,000,000	6.25+2.00

INFO

SUBSIDY MENERJAKAN HAJI TH BAGI TEMPOH 2011 - 2016

Tahun	Kos Haji (RM)	Bayaran oleh setiap jemaah Muassasah (RM)	Tanggungjawab TH setiap jemaah (RM)	Jumlah subsidi oleh TH (RM)
1437H/2016M	18,890	9,980	8,910	180 juta*
1436H/2015M	17,270	9,980	7,290	150 juta
1435H/2014M	16,155	9,980	6,175	106 juta
1434H/2013M	15,555	9,980	5,575	93 juta
1433H/2012M	14,880	9,980	4,900	104 juta
1432H/2011M	14,340	9,980	4,360	105 juta

*Anggaran

urusan rakyat Malaysia mengerjakan haji. Itu teras kami," katanya dalam temu bual bersama wartawan Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Peneraju dana Islam

Ismee yang memasuki tahun ke-10 menerajui dana institusi kewangan Islam terbesar Malaysia itu menyatakan demikian ketika ditanya mengenai teras utama pelan perniagaan TH untuk tahun hadapan dan strategi pelaburan dalam keadaan ekonomi yang mencabar ketika ini.

Beliau juga memberi jaminan bahawa TH akan terus komited untuk memberi subsidi bagi me-

ringankan kos mengerjakan haji dalam kalangan pendepositnya. Pada musim haji lalu ia menyalurkan subsidi berjumlah kira-kira RM150 juta.

Kira-kira 7.5 juta pendeposit TH mempunyai baki simpanan kurang daripada RM10,000.

TH kini mempunyai 8.8 juta pendeposit, termasuk 1.9 juta yang sudah mendaftar haji, tapi belum berpeluang menunaikan ibadat itu.

"Bab subsidi tidak jadi masalah selagi TH ada keupayaan, kalau ada kemampuan memang kita

boleh buat. Kita anggap ini tanggungjawab TH dan selagi ada kemampuan, kita akan terus laksanakan subsidi, cuma isunya ialah berapa jumlah subsidi.

"Namun, melihat kepada senario, kita rasa tidak ada cara kita boleh hapuskan subsidi itu dan kita akan teruskan, cuma isunya berapa banyak subsidi kita perlu bagi?" katanya. TH kini mempunyai 8.8 juta pendeposit, termasuk 1.9 juta yang sudah mendaftar haji, tapi belum berpeluang menunaikan ibadat itu.

Ismee bagaimanapun menjelaskan, penilaian semula objektif penubuhannya bukan bermakna TH menyimpang daripada matlamat berkenaan, tetapi untuk memu-



Ismee Ismail

dahkan orang ramai mendeposit, menyimpan dana sedikit demi sedikit untuk menunaikan haji.

"Jadi, kita kena lihat semula fokus sekarang, sama ada kita nak fokus pada haji atau aktiviti perniagaan dan pelaburan kita. Alhamdulillah, pada masa lalu, kita berjaya wujudkan persekitaran kedua-duanya iaitu haji dan dana pelaburan TH," katanya.

Memudahkan pendeposit

Beliau mengingatkan pendeposit supaya membuat pendaftaran haji apabila mempunyai simpanan minimum RM1,300 dan bagi mereka yang mempunyai caruman di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), boleh menggunakannya untuk tujuan itu.

Katanya, pendeposit yang sudah membuka akaun di TH bukan bermakna mereka secara automatik sudah mendaftar untuk menunaikan haji.

"Justeru, walaupun sudah membuka akaun di TH, mereka perlu mendaftar terlebih dahulu sebelum boleh masuk dalam senarai menunggu untuk mengerjakan haji," katanya sambil menambah tempoh menunggu terkini untuk menunaikan haji ialah kira-kira 77 tahun.

● Ikuti temubual penuh bersama Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TH, Tan Sri Ismee Ismail, esok